

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 8.11.2016 (SELASA)

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah kes laporan dan tangkapan yang telah dibuat oleh kementerian berhubung sindiket gores dan menang dari tahun 2014 sehingga kini. Jelaskan juga langkah berterusan yang diambil oleh Kementerian dalam menangani masalah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepanjang tempoh 2014 hingga bulan Oktober 2016, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengambil sebanyak **36 kes** berkaitan gores dan menang. Ini termasuk satu kes terbaharu yang melibatkan tangkapan ke atas beberapa orang ejen syarikat gores dan menang oleh pegawai KPDNKK Selangor pada 7 Jun 2016 di bawah Seksyen 20(b) Akta Perihal Dagangan 2011. KPDNKK telah mengambil tindakan mendakwa ejen-ejen tersebut di mahkamah dan kes masih lagi berjalan.

KPDNKK sentiasa memberi keutamaan dalam melindungi kepentingan pengguna dengan mengambil langkah-langkah proaktif secara berterusan. Di antara langkah-langkah yang telah dan masih dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. menubuh dan menggerakkan Pasukan Petugas Khas Membanteras Penipuan Gores dan Menang di peringkat pusat dan negeri bagi menjalankan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi-agensi lain;
- ii. mewujudkan dan mengemaskini profil (*profiling*) terhadap pihak yang terlibat melalui perisikan, aduan dan pemantauan;
- iii. mempertingkatkan penguatkuasaan di kawasan-kawasan tumpuan yang dijadikan pusat kegiatan gores dan menang dengan menempatkan Mobile Unit khususnya di Lembah Klang serta menggerakkan Special Action Squad (SAS) dan Skuad Tindakan Aduan Resolusi@Pengguna (STAR@PENGGUNA);

- iv. mengambil tindakan undang-undang dan pendakwaan ke atas mana-mana syarikat dan individu yang disyaki melakukan kesalahan menjalankan kegiatan gores dan menang di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999;
- v. membatalkan lesen syarikat jualan langsung yang menjalankan aktiviti “Gores dan Menang”;
- vi. membuat *engagement* dengan beberapa pihak pengurusan pasaraya besar supaya berkerjasama tidak membenarkan apa-apa bentuk aktiviti perniagaan yang menyalahi undang-undang KPDNKK dijalankan di bangunan atau kawasan mereka; dan
- vii. mempertingkatkan kesedaran pengguna melalui ceramah, dan penyaluran maklumat seperti media cetak dan elektronik, papan iklan, brosur dan pamflet.